

# MAHKAMAH PERUSAHAAN

## NOTA AMALAN BIL. 2 TAHUN 2019

### Penangguhan Kes

Dalam menjalankan kuasa yang diberikan Di bawah seksyen 28 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, saya dengan ini mengeluarkan arahan-arahan seperti berikut :

#### 1. Permulaan Kuatkuasa

Nota Amalan ini mula berkuatkuasa serta-merta.

#### 2. Penangguhan Oleh Mahkamah

- (a) Kes yang telah ditetapkan tarikh untuk perbicaraan/pendengaran tidak boleh ditangguhkan oleh mana-mana Mahkamah. Sehubungan dengan itu, semua Pengerusi Mahkamah Perusahaan hendaklah merancang cuti rehat dan juga tarikh menghadiri kursus dan sebagainya. Sekiranya cuti terpaksa diambil, Pengerusi Mahkamah yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa pihak-pihak di dalam kes yang perlu ditangguhkan itu, hendaklah dimaklumkan dalam tempoh masa yang munasabah, satu tarikh yang baru yang terawal yang bersesuaian bagi semua pihak hendaklah ditetapkan dengan kadar segera
- (b) Sekiranya kes terpaksa ditangguhkan pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan/pendengaran di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan (sebagai contoh, Pengerusi sakit atau anggota keluarga Pengerusi yang terdekat sakit atau meninggal dunia) kes tersebut hendaklah diambil alih oleh Pengerusi lain (atas arahan Yang DiPertua) untuk didengar pada hari yang sama, sekiranya ada Pengerusi yang dapat berbuat demikian. Jika tidak, kes hendaklah didengar pada tarikh yang terawal di hadapan Pengerusi yang asal.

### 3. Penangguhan Atas Permohonan Mana-Mana Pihak

- (a) Untuk penangguhan oleh mana-mana pihak, permohonan penangguhan hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang munasabah bagi membolehkan tarikh baru kes itu ditetapkan semula oleh Mahkamah.
- (b) Permohonan untuk penangguhan pada hari kes tersebut ditetapkan untuk perbicaraan/pendengaran tidak boleh dibenarkan dan perbicaraan kes hendaklah dijalankan seperti yang dijadualkan.

Bertarikh: 13 Mac 2019



**EDDIE YEO SOON CHYE  
YANG DIPERTUA  
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA**